

# MAJLIS PELANCARAN BLUEPRINT AGENDA PENDIDIKAN KEMENTERIAN PERTAHANAN 2018-2022

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2868-majlis-pelancaran-blueprint-agenda-pendidikan-kementerian-pertahanan-2022](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2868-majlis-pelancaran-blueprint-agenda-pendidikan-kementerian-pertahanan-2018-2022)

KLUANG, 11 Jan 18 - Majlis Pelancaran Blueprint Agenda Pendidikan Kementerian Pertahanan 2018-2022 telah disempurnakan oleh Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein bersama Menteri Pendidikan, YB Dato' Seri Mahdzir Khalid serta Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Datuk Seri Panglima Salleh Said Keruak di Padang Kawad Batalion Ke-5 RAMD Kluang, Johor hari ini.

Pelan tindakan tersebut bakal melonjakkan paradigma baharu agenda pendidikan dan memberi manfaat kepada 33,611 pelajar, selain 1,987 guru sekolah dalam kem tentera dan 67,222 ibu bapa membabitkan warga tentera, veteran serta kakitangan awam Kementerian Pertahanan.

Pelan tersebut memfokuskan kepada peningkatan kemudahan pendidikan, memperkasakan pendidikan dan merangka inisiatif untuk memartabatkan pendidikan serta memberi pengiktirafan dan penghargaan menerusi modul insan kepada warga kementerian.

Hadir sama di majlis pelancaran Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamad Affandi Raja Mohamed Noor; Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM serta Panglima-panglima Perkhidmatan yang lain.



